

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

YKA 102 - Pengantar Komunikasi Massa

Masa: [3 jam]

Jawab soalan No. 1 dan DUA(2) soalan lain.

1. Jawapan untuk soalan ini mesti didasarkan kepada mana-mana satu iklan yang dilampirkan.

Beri ulasan anda tentang teknik pembentukan imej dan rayuan yang digunakan serta kesesuaian imej dengan barangan yang diiklankan. Apakah mesej tersirat di sebalik imej yang dipaparkan? Pada pendapat anda, perlukah kita merasa bimbang dengan kehadiran ketara iklan-iklan sedemikian dalam media tempatan? Mengapa?

(100 markah)

2. "Tidak terdapat penstereotaipan wanita di dalam media di Malaysia." Nilaikan dakwaan ini.

(100 markah)

3. "Media di Malaysia tidak bebas dan sering memihak kepada pemerintah."

Dengan mengemukakan contoh-contoh yang khusus, bincangkan pendirian anda terhadap kenyataan di atas.

(100 markah)

4. Ada pandangan yang mengatakan bahawa media massa menggalakkan perilaku devian di dalam masyarakat. Namun ada golongan yang mempercayai bahawa jumlah kejadian jenayah dan perilaku devian lain sebenarnya dapat dikurangkan akibat pemaparan media.

Bincangkan pandangan-pandangan tersebut dan pandangan alternatif, jika ada.

(100 markah)

-oooOooo-

BUKANNYA TERLALU MUDA UNTUK PAKAIAN BERLABEL



Belum pernah bayi sebegitu bertuah.
Kini, mereka boleh melangkah ke
dunia baru mereka dengan pakaian
berlabel bayi yang eksklusif daripada
Koleksi Pride 'N' Joy Pureen.
Pakaian Pride 'N' Joy diperbuat
daripada 100% kapas disisir
sempurna gred tinggi yang
menjamin keselesaan bayi.



PRIDE 'N' JOY

OLEH *Pureen**

100% KAIN KAPAS

Perhatian yang penuh teliti diberi pada
setiap peringkat pengeluaran, daripada
pemilihan kain sehingga potongan dan
hasil ciptaan. Gaya istimewa dicipta
khas untuk bayi perempuan dan lelaki.
Biarlah bayi anda kelihatan bergaya –
dengan Gaya Pride 'N' Joy.
Belum pernah si kecil
dimanjakan sebegini.

Diedarkan oleh: **Summit Co (M) Sdn Bhd** Lot 6, Jalan 19/1, 46300 Petaling Jaya, Selangor.

*Tanda berdaftar perniagaan Pure Labs, Inc. New York, N.Y., U.S.A.

People's Rich

Boleh didapati di gedung serbanika, pasaraya dan pusat-pusat kelengkapan bayi yang terkemuka.

ALAM



ALAMILAH YANG LUAR BIASA


Dunia National. Bentuk yang
kebiasaan. Pilihan
seperti dulu lagi. Begitu luar biasa perbedaannya.

berfungsi. Peralatan rumah yang
yang tepat untuk semua keperluan yang sempurna.



unggul sememangnya mengatasi
Untuk anda. Kediaman anda tidak

National. Pemimpin peralatan rumah yang unggul.



287

National Panasonic (Malaysia) Sdn Bhd

**National
Panasonic**
Tetap Bersama-sama Anda



Good taste.

KENT
Famous Micronite Filter

Kent style